

18/11/1999

Tiga Adun tawar tarik diri

KUANTAN, Rabu - Tiga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Umno di negeri ini menawarkan diri kepada Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, supaya nama mereka tidak dicalonkan untuk bertanding dalam pilihan raya umum kesepuluh, 29 November ini.

Ketika mengesahkan hal itu, Adnan yang enggan mengumumkan nama Adun berkenaan, berkata, penarikan diri mereka dilakukan bagi memberi laluan kepada muka baru.

Difahamkan Adun berkenaan ialah Datuk Rahimah Kawi (Tahan), Datuk Bahari Yahya (Lanchang) yang juga Exco Kerajaan Negeri dan Datuk Ayub Teh (Luit).

Bercakap kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan khas dengan ahli Exco Kerajaan Negeri dan Adun Umno, di Wisma Sri Pahang, di sini, hari ini, beliau berkata, sikap tiga bekas Adun terbabit wajar dicontohi pemimpin lain dalam usaha menjaga kestabilan parti.

Menurutnya, sekurang-kurangnya 10 Adun digugur atau ditukarkan ke kerusi Parlimen bagi memberi peluang kepada pemimpin lain yang berkelayakan bertanding.

"Mereka perlu menerimanya dengan hati terbuka dan tidak perlu kecewa, sebaliknya terus memberi sokongan kepada calon yang bertanding untuk memastikan kemenangan berpihak kepada BN.

"Soal calon adalah perkara kedua kerana yang penting, kita mesti menang dalam pilihan raya ini seperti dikehendaki Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita perlu pastikan BN dapat menubuhkan kerajaan serta meneruskan projek pembangunan kepada rakyat," katanya.

Sementara itu, Adnan berkata, pihaknya akur dengan keputusan akhir berhubung senarai calon yang akan diputuskan Perdana Menteri.

Katanya, watakah pelantikan sebagai calon BN dijangka dikeluarkan selewat-lewatnya pada pagi Jumaat ini.

"Saya akan umumkan senarai calon itu di Ibu Pejabat Umno Negeri di sini. Tahun ini, kita memanggil calon yang berjaya saja hadir pada majlis itu.

"Bagaimanapun, kita tidak menghalang jika calon yang tidak terpilih, mahu hadir ke majlis itu," katanya.

(END)